

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 17.11.2015

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah tertunggak pinjaman PTPTN serta menjelaskan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menuntut kembali pinjaman tertunggak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2015, jumlah keseluruhan bayaran balik pembiayaan pendidikan yang diterima adalah sebanyak RM6.71 bilion (45.80%) berbanding bayaran balik sebenar perlu diterima RM14.65 bilion. Manakala seramai 1,185,077 (66.10%) daripada 1,792,919 peminjam yang perlu bayar balik telah membuat bayaran balik. Bagi tempoh yang sama seramai 607,842 peminjam tidak membuat bayaran balik melibatkan jumlah tunggakan pinjaman sebanyak RM4.97 bilion.

PTPTN sentiasa berusaha mempastikan prestasi bayaran balik pinjaman dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Antara tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil bagi meningkatkan lagi prestasi bayaran balik pinjaman adalah seperti berikut:

- i. Mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji dan kemudahan

- pembayaran melalui kaunter atau secara atas talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik seperti Pos Malaysia dan bank-bank terpilih (Maybank, Bank Islam, CIMB Bank, RHB Bank, Public Bank dan Bank Simpanan Nasional);
- ii. Berkuatkuasa 1 September 2015, unit *outbound call* telah diwujudkan untuk membuat panggilan kepada peminjam tegar bagi memastikan peminjam sentiasa mengambil tahu tentang rekod keberhutangan mereka;
 - iii. Mewajibkan bayaran balik secara potongan gaji ke atas kakitangan awam berkuatkuasa September 2015;
 - iv. Mengeluarkan surat arahan bayaran balik (bagi peminjam yang telah tamat tempoh pengeluaran dan sepatutnya mula membuat bayaran balik) dan surat-surat peringatan (bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik/tidak memberi maklum balas);
 - v. Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan, pihak swasta bagi mengesan peminjam;
 - vi. Menguruskan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand (LOD)* dan Saman;
 - vii. Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk menahan peminjam ingkar daripada keluar negara; dan
 - viii. Bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk menyenarai nama peminjam di dalam CCRIS.